

Pengurusan baik perlu bagi jamin kejayaan

19 FEB 1991

KUALA LUMPUR 18 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pengurusan yang baik perlu dititikberatkan bagi menjamin kejayaan sesuatu perniagaan.

"Saya rasakan pengurusan yang baik sangat penting. Anda boleh membeli teknologi, anda boleh tambah modal tetapi jika anda tidak tahu menguruskan teknologi, modal dan pasaran dengan baik, anda tidak akan berjaya," katanya

Beliau yang bercakap dalam program *Wawancara Bersama Perdana Menteri* yang disiarkan oleh RTM malam ini berkata, terdapat pasaran yang besar di negara ini tetapi ia tidak dieksploitasi sepenuhnya kerana ketiadaan pengurusan yang baik dan berkesan.

Sebagai contoh, katanya, makanan tempatan yang jauh lebih lazat dari makanan Barat gagal mendapat tempat di pasaran dalam negeri sendiri kerana pengusaha restoran tempatan tidak memahami pengurusan *franchais* atau pemasaran.

"Sebaliknya, makanan segera seperti McDonalds, Kentucky Fried Chicken, hamburger yang asing bagi kita mencapai kejayaan besar di negara ini, jualanannya berjuta ringgit.

"Makanan Malaysia nampaknya masih belum *franchais*kan. Ini disebabkan oleh kerana kita tidak memahami pengurusan *franchais* dan pemasaran," tambahnya.

Menyentuh tentang langkah kerajaan melindungi industri tertentu pula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, langkah itu perlu diberikan untuk memastikan industri berkenaan dapat dibangunkan di negara ini.

Sebagai contoh, katanya, industri pemasangan kenderaan perlu dilindungi kerana jika dibiarkan bersaing secara terbuka, industri itu akan kalah kepada saingan dari luar yang jauh lebih efektif operasinya.

"Kita perlukan operasi pemasangan kenderaan di sini kerana ia mewujudkan peluang pekerjaan. Jika industri ini tidak dilindungi tiada siapa mahu memulakannya," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berpendapat, saingan terbuka memang baik tetapi dalam kes tertentu seperti industri pemasangan kenderaan ia tidak digalakkan kerana industri itu masih baru.

"Kita perlu menerima hakikat ini tetapi perlindungan yang diberikan itu bukanlah kekal," tambahnya.